

17 NOV 1998

APEC-BERITA-JEPUN

JEPUN AKAN HANTAR MISI PELAN MIYAZAWA KE MALAYSIA

Oleh: Nuryushida Laily Yusof & Azlina Aziz

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Jepun akan menghantar misi ke Malaysia lewat bulan ini untuk mengkaji keperluan khusus negara ini sebelum meneruskan pakej Pelan Miyazawa berjumlah the US\$30 bilion, kata seorang pegawai di sini hari ini.

Misi itu akan mengkaji bagaimana Malaysia akan menggunakan bantuan kewangan itu, kata Sadaaki Numata, seorang jurucakap daripada Kementerian Luar Jepun.

Beliau memberitahu ini kepada Bernama ketika diminta mengulas pertemuan dua hala antara Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal hari ini.

Pada pertemuan itu, Obuchi juga bercakap mengenai pakej bantuan bersama sebanyak AS\$10 bilion yang dicadangkan oleh AS dan Jepun bertujuan memulihkan bank-bank yang lemah dan badan-badan korporat yang mempunyai masalah kewangan.

Pakej itu mengumpulkan AS\$5 bilion dari Jepun, Bank Pembangunan Asia, dan Bank Dunia sebagai pemangkin untuk pembiayaan sektor swasta, manakala AS akan mengeluarkan AS\$5 bilion lagi melalui program pembiayaan perdagangan Bank Export-Import.

Ditanya sama ada AS\$5 bilion dari AS itu terlalu kecil, Numata berkata, "Masih terlalu awal untuk membuat penilaian sebegitu kerana apa yang penting ialah AS bersedia untuk menyokong idea itu."

Sebaliknya, sumbangan Jepun dalam pakej bersama itu tidak boleh dianggap kecil kerana negara itu telahpun mengeluarkan bantuan kewangan berjumlah AS\$44 bilion kepada negara-negara Asia yang bermasalah setakat ini, dan AS\$30 bilion lagi yang akan dikeluarkan di bawah Pelan Miyazawa.

Mengenai kemasukkan Rusia dalam Pelan Miyazawa, Numata berkata Jepun telahpun membuat komitmen kepada negara itu dengan mengeluarkan pinjaman Bank Export-Import Jepun berjumlah AS\$1.5 bilion.

"Kami sudahpun mengeluarkan AS\$400 juta di bawah pakej sebanyak AS\$1.5 bilion itu...dan Perdana Menteri Obuchi telah memaklumkan kepada Perdana Menteri (Rusia) Yevgeny Primakov (minggu lepas) mengenai hasrat kami untuk mengeluarkan AS\$800 juta daripada bakinya sebanyak AS\$1.1 bilion," katanya.

"Itulah tumpuan utama Jepun berhubung dengan Rusia," kata Numata.

Sementara itu, beliau kemudiannya berkata bahawa selain dari Malaysia, Japan juga akan menghantar misi ke Filipina dalam bulan ini untuk mengkaji keperluannya untuk Pelan Miyazawa dan akan menghantar satu lagi ke Korea Disember ini.

Ia telah menghantar misi itu ke Thailand dan Indonesia untuk menilai keadaan dalam negara-negara itu dan keperluan mereka untuk dana itu sebelum ia dikeluarkan untuk mereka, katanya.

Minggu lepas, seorang lagi jurucakap Kementerian Luar Jepun berkata negara itu menjangka dana sebanyak AS\$30 bilion itu akan dikeluarkan semuanya dalam masa dua tahun, tetapi tempoh pengeluarannya bergantung kepada kajian yang dibuat oleh misi-misi yang dihantar kepada negara penerima.

"Kedua-dua pihak, bukan sahaja Jepun sebagai pemberi, dan negara penerima, perlu bekerja bersama untuk mempercepat proses itu," katanya.

-- BERNAMA

NLY/AA SHY WAT